



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 10/2011 (6 hingga 12 Mac 2011)

Pada minggu kesepuluh tahun 2011 iaitu bagi tempoh 6 hingga 12 Mac 2011, sejumlah 402 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 9 kes berbanding 393 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat lima buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Perak yang meningkat sebanyak 22 kes (129%), N.Sembilan 12 kes (80%), P.Pinang 7 kes (24%), Sabah 6 kes (60%) dan Pahang meningkat sebanyak 5 kes (19%) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes sehingga 12 Mac 2011 adalah 4,507, penurunan sebanyak 57% atau 5,955 kes berbanding dengan 10,462 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 79% atau 30 kematian, di mana terdapat 8 kematian bagi tahun 2011 berbanding 38 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 88 lokaliti wabak di 23 buah daerah dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 2 lokaliti *hot spots* dikenalpasti berbanding 8 lokaliti pada minggu sebelumnya, dengan melibatkan sebanyak 23 kes Demam Denggi (Lampiran C).

Walaupun jumlah lokaliti wabak dan *hot spots* menurun berbanding dengan minggu sebelumnya, masyarakat masih perlu meneruskan aktiviti membersihkan kawasan persekitaran kediaman masing-masing supaya bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes. Pencegahan dan kawalan Demam Denggi ini bukan hanya tanggungjawab pihak KKM sahaja, malah ianya adalah tanggungjawab semua pihak terutamanya masyarakat setempat kerana jangkitan Demam Denggi boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Keadaan cuaca yang tidak menentu pada masa sekarang ini yang sering berlaku hujan boleh menyebabkan bekas-bekas terbang yang berada di persekitaran kawasan kediaman menjadi tempat nyamuk membiak. Daripada pemantauan pihak KKM, di dapati 60% pembiakan nyamuk Aedes adalah di luar premis iaitu terdiri daripada tong-tong (18%), tayar (15%) dan bekas plastik (8%). Oleh itu, masyarakat diminta membersihkan kawasan persekitaran dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes seminggu sekali. Bagi bekas takungan air yang sukar dikosongkan atau tidak boleh ditutup, gunakan bahan pembunuh jentik-jentik nyamuk (Abate) untuk memastikan takungan air tersebut tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat 1 kes dilaporkan untuk tempoh 6 hingga 12 Mac 2011, berbanding 2 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 10 kes, penurunan sebanyak 98% berbanding dengan 447 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

14 Mac 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 10/2011
(6 hingga 12 Mac 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 10/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 10/2010
		Minggu 10 (6 – 12 Mac 2011)	Minggu 9 (27 Februari – 5 Mac 2011)		
1	Perlis	0	0	19	29
2	Kedah	12	12	123	92 (1)
3	P. Pinang	36	29 (1)	365 (1)	262 (2)
4	Perak	39	17	294	330
5	Selangor	116	137	1,555 (1)	4,827 (22)
6	WPKL & Putrajaya	26	33	317	1,083 (2)
7	N. Sembilan	27	15	140	523 (1)
8	Melaka	12	19	123	88 (1)
9	Johor	38	42	476 (4)	587 (1)
10	Pahang	32	27	269 (1)	278 (1)
11	Terengganu	14	15	224 (1)	230
12	Kelantan	12	13	181	198 (1)
13	Sarawak	22	24	280	1,424 (5)
14	Sabah	16	10	137	504 (1)
15	WP Labuan	0	0	4	7
	MALAYSIA	402	393 (1)	4,507 (8)	10,462 (38)

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 10/2011
(6 hingga 12 Mac 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 10/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 10/2010
		Minggu 10 (6 – 12 Mac 2011)	Minggu 9 (27 Februari – 5 Mac 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	2
4	Perak	0	2	2	1
5	Selangor	0	0	0	11
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	415
14	Sabah	1	0	6	6
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	1	2	10	447

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 10
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPS (GB)	Apartment Palma Bandar Country Homes Rawang	9	40
2	WPKL	Kepong	RKAT Ampat Tin	14	38

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN
NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 10
BAGI TAHUN 2011
(6 hingga 12 Mac 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
			TIADA		